



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 25 MAC 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	MALAYSIA BAKAL MILIKI LADANG JAGUNG MEGA, NASIONAL, BH -15 LADANG JAGUNG MEGA NEGARA MENJELANG 2033, BH -ONLINE LESEN PENDUDUK SEMENTARA: MAFI AKAN BERBINCANG DENGAN KERAJAAN- KERAJAAN NEGERI - PM, ASTRO AWANI -ONLINE EAC TUMPU USAHA MODERNISASI DAN PERTANIAN PINTAR, BH -ONLINE MAFI, KERAJAAN NEGERI AKAN BINCANG ISU TOL, KOSMO -ONLINE VARIETI PADI TAHAN BANJIR DICUBA DI MELAKA, JOHOR, HARAKAH DAILY -ONLINE BERAS TANPA LESEN: TUKAR PEMILIK SETIAP DUA TAHUN, HM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
8. 9. 10. 11. 12. 13. 14.	INDUSTRI IKAN AIR TAWAR DIPROMOSI KE PERINGKAT ANTARABANGSA, KOSMO -ONLINE POTENSI TERNAKAN IKAN AIR TAWAR KE LUAR NEGARA, LOKAL, HM -17 PROMOSI IKAN AIR TAWAR DI LUAR NEGARA, NEGARA, KOSMO -17 SPESIES IKAN TEMPATAN BAKAL PUPUS, NEGARA, KOSMO -15 DENDA NAIK HINGGA RM10,000, NEGARA, KOSMO -15 LEBIH BANYAK BENIH HIDUPAN AIR DILEPASKAN, NEGARA, KOSMO -15 LAGI PENYU DITEMUI MATI DI PANTAI NEGERI SEMBILAN, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
15. 16.	PERLU PENAMBAHBAIKAN ANTARA PUNCA PROJEK AIS TERGENDALA, MSN -ONLINE PROJEK AIS FASA 1 TERGENDALA KERANA BERDEPAN BANYAK ISU, NASIONAL, BH -6	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
17. 18. 19.	TERENGGANU PERLUKAN 42,880 TAN AYAM SETAHUN, NASIONAL, BH -22 LKE HYDROPONIC FARM TARIKAN EKOPELANCONGAN BAHARU, EKONOMI, UM -36 FISRT ECO-TOURISM FARM LAUNCHED, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -4	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Malaysia bakal miliki ladang jagung mega

Negara bakal memiliki ladang jagung mega menjelang 2033 dengan pengeluaran hasil besar tahunan itu, sekali gus dapat digunakan untuk menghasilkan makanan unggas.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata dengan rancangan jangka panjang itu, ia disasar dapat mengurangkan kebergantungan negara terhadap bahan import yang berdepan ketidaktentuan sehingga harga naik mendadak.

Beliau berkata, jagung selaku bahan mentah import untuk dijadikan makanan ayam mengalami kenaikan harga ketara sehingga 110 peratus sejak 2020 sehingga sekarang.

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) ketika ini bukan sahaja giat menjalankan pelbagai penyelidikan, bahkan berjaya menghasilkan makanan ternakan seperti untuk

ayam ataupun unggas yang dihasilkan oleh MARDI.

"Tetapi kita masih menjalankan kajian supaya dapat memastikan bah baik seperti kita hendak membangunkan lagi kandungan nutrien supaya makanan yang kita bagi betul-betul berkhasiat kepada ayam yang dibela.

"Bagi mengurangkan kebergantungan makanan asing atau sumber luar, bahkan kita sekarang mahu mengurangkan lagi

kebergantungan negara, terutama terhadap jagung dengan menjalankan penanaman jagung secara besar-besaran.

"Unjuran kita menjelang 2033 akan mempunyai sebanyak 80,000 hektar tanaman jagung dan kita tidak lagi (ketika itu) bergantung kepada sumber dari luar," katanya pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tabahan Cha Kee Chin (PH-Rasah)

mengenai adakah MAFI mempunyai rancangan supaya untuk tempoh tiga hingga empat tahun lagi, Malaysia dapat menghasilkan makanan buat sendiri bagi mengelak terlahu bergantung bahan import.

Ahmad berkata, sememangnya terdapat usaha untuk meningkatkan penggunaan sumber barang dedak, beras hancur, beras tembak, dedak padi dan sisa sawit (PKC) sebagai formula penghasilan makanan ayam.

Beliau berkata, ia dibangunkan MARDI bermatlamat menjadi sumber makanan baharu untuk unggas.

Bagaimanapun, katanya, formula itu menghadapi kekurangan kerana kandungan nutrien dalam sumber itu merangkumi karbohidrat dan protein berdepan banyak kekurangan, sekali gus tidak dapat memenuhi keperluan nutrien harian ayam.

Kita mahu mengurangkan lagi kebergantungan negara, terutama terhadap jagung dengan penanaman jagung secara besar-besaran



Ahmad Hamzah,
Timbalan Menteri Pertanian
dan Industri Makanan I

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/3/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

Ladang jagung mega negara menjelang 2033



KUALA LUMPUR: Negara bakal memiliki ladang jagung mega menjelang 2033 dengan pengeluaran hasil besar tanaman itu, sekali gus dapat digunakan untuk menghasilkan makanan unggas.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata dengan rancangan jangka panjang itu, ia disasarkan dapat mengurangkan kebergantungan negara terhadap bahan import yang berdepan ketidaktentuan sehingga harga naik

mendadak.

Beliau berkata, jagung selaku bahan mentah import untuk dijadikan makanan ayam mengalami kenaikan harga ketara sehingga 110 peratus sejak 2020 sehingga sekarang.

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) ketika ini bukan sahaja giat menjalankan pelbagai penyelidikan, bahkan berjaya menghasilkan makanan ternakan seperti untuk ayam ataupun unggas yang dihasilkan oleh MARDI.

"Tetapi kita masih menjalankan kajian supaya kita dapat menambah baik seperti kita nak imbangkan lagi kandungan nutrien supaya makanan yang kita bagi betul-betul berkhasiat kepada ayam yang dibela.

"Bagi mengurangkan kebergantungan makanan asing atau sumber luar, bahkan kita sekarang mahu mengurangkan lagi kebergantungan negara terutama terhadap jagung dengan menjalankan penanaman jagung secara besar-besaran.

"Unjuran kita menjelang 2033, kita akan mempunyai sebanyak 80,000 hektar tanaman jagung dan kita tidak lagi (ketika itu) bergantung kepada sumber dari luar," katanya pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan Cha Kee Chin (PH-Rasah) mengenai adakah MAFI mempunyai rancangan supaya untuk tempoh tiga hingga empat tahun lagi, Malaysia dapat menghasilkan makanan buat sendiri bagi mengelak terlalu bergantung bahan import.

Ahmad berkata, sememangnya terdapat usaha untuk meningkatkan penggunaan sumber barangan tempatan dengan menggunakan dedak, beras hancur, beras temukut dan dedak padi dan sisa sawit (PKC) sebagai formulasi untuk penghasilan makanan ayam.

Katanya, ia dibangunkan oleh MARDI bermatlamat untuk menjadi sumber makanan baharu untuk unggas.

Bagaimanapun, katanya, formulasi itu menghadapi sedikit kekangan kerana kandungan nutrien dalam sumber berkenaan merangkumi karbohidrat dan protein berdepan banyak kekurangan sekali gus tidak dapat memenuhi keperluan nutrien harian ayam.

"Ini kerana kandungan serat yang agak tinggi pada lapan hingga 13 peratus yang menjadikannya sukar untuk dicerna oleh sistem penghadaman ayam.

"Bagaimanapun, kajian terus dapat giat dilaksanakan oleh MARDI dengan sebuah syarikat swasta yang lain melalui penggunaan teknologi mikrob dan bioteknologi supaya kandungan nutriennya dapat dikurangkan dan diharapkan ia dapat dihasilkan seperti yang kita harapkan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/3/2022	ASTRO AWANI	ONLINE	

Lesen Pendudukan Sementara: MAFI akan berbincang dengan kerajaan-kerajaan negeri - PM



Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata perbincangan berkenaan adalah supaya kerajaan negeri dapat memanjangkan tempoh sewaan atau pajakan bagi mewajarkan pelaksanaan projek-projek pertanian berdaya maju. - Gambar fail/BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kerajaan bersetuju supaya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berbincang dengan kerajaan-kerajaan negeri bagi menangani masalah tempoh Lesen Pendudukan Sementara (TOL).

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, hasil Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) itu turut menetapkan Sekretariat EAC, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan dan MAFI mengambil tindakan selanjutnya bagi melaksanakan cadangan kerjasama awam swasta melalui kertas pembentangan Transformasi Pertanian Malaysia.

Kata Perdana Menteri, beliau ingin lihat sektor tani dan industri pengeluaran makanan negara bergerak maju seperti yang digariskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

"Dalam memacu usaha pemulihan ekonomi negara, Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) mengambil maklum dan bersetuju memberi fokus terhadap usaha modenisasi dan menggalak pertanian pintar," katanya dalam entri di laman sosial Facebooknya pada Khamis.

Sebagai satu inisiatif komprehensif mengukuhkan sektor pertanian negara, perbincangan mesyuarat EAC itu melibatkan pembentangan dari beberapa pemain industri utama iaitu MAFI, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Syarikat Aerodyne Group bersama ahli-ahli EAC dan tokoh usahawan tani Malaysia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/3/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

EAC tumpu usaha modernisasi dan pertanian pintar



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

KUALA LUMPUR: Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) bersetuju untuk memberi fokus terhadap usaha modenisasi dan menggalakkan pertanian pintar, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, dalam Mesyuarat EAC yang berlangsung hari ini, pihaknya mengambil maklum hala tuju sektor agromakanan negara yang digariskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12

(RMK-12).

"Kerajaan pada prinsipnya bersetuju supaya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berbincang dengan kerajaan negeri bagi menangani masalah tempoh Lesen Pendudukan Sementara (TOL), yang dihadapi oleh usahawan tani untuk pertanian supaya dapat memanjangkan tempoh sewaan atau pajakan bagi mewajarkan pelaksanaan projek pertanian berdaya maju.

"Mesyuarat bersetuju supaya ketiga-tiga kertas yang dibentangkan iaitu Cadangan Modenisasi dan Pertanian Pintar Melalui Pemeraksanaan Taman Kekal Pengeluaran Makanan, Pembangunan Bakat Usahawan Tani Negara 2022- 2027 dan Transformasi Pertanian Malaysia dinilai secara bersekali sebagai satu inisiatif komprehensif mengukuhkan sektor pertanian negara," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Mesyuarat EAC hari ini turut membabitkan pembentangan daripada MAFI, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Syarikat Aerodyne Group bersama ahli EAC dan tokoh usahawan tani Malaysia.

Ismail Sabri berkata, mesyuarat juga menetapkan Sekretariat EAC, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan dan MAFI mengambil tindakan selanjutnya bagi melaksanakan cadangan kerjasama awam swasta yang dibentangkan oleh Aerodyne Group melalui kertas pembentangan Transformasi Pertanian Malaysia dan keperluan tanah berkeluasan 40 hektar bagi projek perintis.

Beliau turut berharap sektor tani dan industri pengeluaran makanan negara dapat bergerak maju dan memacu usaha pemulihan ekonomi demi kesejahteraan negara dan Keluarga Malaysia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/3/2022	KOSMO	ONLINE	

MAFI, kerajaan negeri akan bincang isu TOL



PUTRAJAYA – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bakal berbincang dengan kerajaan-kerajaan negeri bagi menangani masalah berkaitan tempoh Lesen Pendudukan Sementara (TOL) yang dihadapi usahawan-usahawan tani.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, persetujuan kerajaan berkaitan perkara tersebut dicapai pada Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) yang berlangsung hari ini.

Pada mesyuarat tersebut, perbincangan dilakukan adalah melibatkan pembentangan-pembentangan oleh MAFI, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Syarikat Aerodyne Group bersama ahli-ahli EAC dan tokoh usahawan tani Malaysia.

“Kerajaan pada prinsipnya bersetuju supaya MAFI berbincang dengan kerajaan-kerajaan negeri bagi menangani masalah tempoh Lesen Pendudukan Sementara (TOL) yang dihadapi oleh usahawan-usahawan tani untuk pertanian.

“Ia (perbincangan dengan kerajaan negeri) agar dapat memanjangkan tempoh sewaan atau pajakan bagi mewajarkan pelaksanaan projek-projek pertanian berdaya maju,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Menurut Ismail Sabri, terdapat tiga kertas yang telah dibentangkan iaitu Cadangan Modenisasi dan Pertanian Pintar Melalui Pemerksaan Taman Kekal Pengeluaran Makanan, Pembangunan Bakat Usahawan Tani Negara 2022-2027 dan Transformasi Pertanian Malaysia.

Katanya, mesyuarat bersetuju agar semua kertas tersebut dinilai secara bersekali sebagai satu inisiatif komprehensif mengukuhkan sektor pertanian negara.

Katanya, mesyuarat juga menetapkan bahawa Sekretariat EAC; Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri; Kementerian Kewangan (MOF) dan MAFI mengambil tindakan selanjutnya bagi melaksanakan cadangan kerjasama awam swasta yang dibentangkan oleh Aerodyne Group melalui kertas pembentangan Transformasi Pertanian Malaysia dan keperluan tanah berkeluasan 40 hektar bagi Projek Perintis.

“Melangkah ke hadapan, kita berharap agar sektor tani dan industri pengeluaran makanan negara dapat bergerak maju dan memacu usaha pemulihan ekonomi demi kesejahteraan negara dan Keluarga Malaysia,” katanya. – KOSMO! ONLINE.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/8/2022	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Varieti padi tahan banjir dicuba di Melaka, Johor



KUALA LUMPUR: Kerajaan mula menanam varieti padi IS21 yang mampu bertahan risiko tenggelam banjir di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Melaka dan Johor sebagai langkah awal sebelum pelaksanaan menyeluruh ke seluruh negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, varieti MR315 keluaran Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) kini di peringkat pelaksanaan percubaan.

“Kita menjangkakan, jika kejayaan ini dicapai dengan baik, kita akan laksanakan dengan cara lebih menyeluruh, iaitu fokus kepada kawasan yang terdedah risiko tenggelam air banjir negara kita, kita cuba kenal pasti sebaik mungkin.

“Varieti baru IS21 dijangka ini bertahan lebih tiga hari, kalau kita tanam padi, terendam air, dia boleh bertahan selama tiga hari, begitu juga variet MR315 yang dikeluarkan MARDI,” katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Senator Noraini Idris berhubung tindakan kerajaan dalam berdepan kesan negatif kepada hasil pertanian akibat banjir, di Dewan Negara, hari ini.

Menurut Dr Nik Zawawi, sebagai langkah mengelak ancaman banjir, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) membina dan menaiktaraf infrastruktur tebatan banjir di kawasan pertanian.

Katanya, pada tahun lalu, dua projek disiapkan di LBC Parit Utama Kayan, IADA Seberang Perak, serta di Skim Samarahan Sarawak.

Selain itu katanya, satu projek dalam proses pelaksanaan iaitu di dalam perairan Tebu Hitam, IADA Rompin Pahang dan satu projek dalam proses permohonan bagi pelaksanaan pada RP3 tahun hadapan di Skim Pengairan Paya Sekajang, Rompin, Pahang.

“MAFI juga membuat perolehan pam bergerak bagi kegunaan semasa musim kemarau dan banjir. Pada 2021, perolehan sebanyak 60 pam bergerak, manakala pada 2022, sebanyak 52 pam bergerak.

“Ketiga, MAFI menaik taraf sistem pam di rumah pam sedia ada bagi kegunaan saliran dan tebatan banjir pertanian, satu projek 16 buah rumah pam di AIDA Kemasing Semerak, Kelantan.

“Seterusnya, MAFI membina pintu-pintu kawalan air bagi menyelesaikan masalah air banjir semasa musim tengkujuh selain berfungsi sebagai infrastruktur pengairan,” katanya. – HARAKHADAILY

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/3/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

Beras tanpa lesen: Tukar pemilik setiap dua tahun



Penguatkuasa memeriksa premis yang menjual beras tanpa lesen. FOTO Yusmizal Dolah Aling

Kuala Lumpur: Dua tahun sekali tukar pemilik untuk mengaburi mata pihak berkuasa.

Itu tindakan peruncit warga asing di sekitar Lembah Klang yang menjual beras tanpa lesen runcit sejak 10 tahun lalu.

Bukan itu saja, mereka juga dikesan menjual beras tidak sah kepada pembeli yang mendapatkan bekalan barangan di kedai runcit mereka.

Taktik itu bagaimanapun terbongkar selepas Bahagian Penguatkuasaan Kawal Selia Padi Dan Beras Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) menahan lapan peruncit dalam operasi semalam.

Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras Azman Mahmood berkata, pihaknya mengaktifkan Ops Patuh 2.0 selepas mendapat maklumat daripada orang awam.

"Kita terima aduan mengenai peruncit tidak berlesen menjual beras di sekitar Pinggiran Putrajaya dan Kuala Lumpur.

"Hasil siasatan mendapati, peruncit warga asing ini akan menukar pemilik setiap dua tahun bagi mengelakkan diambil tindakan.

"Selain itu mereka juga menjual beras seludup yang diletakkan bersama beras tempatan. Ini salah dan tidak sepatutnya berlaku," katanya kepada Harian Metro.

Beliau berkata dalam operasi itu pihaknya merampas 8.3 tan metrik beras dianggarkan bernilai RM134,000.

Katanya, kes itu disiasat di bawah Pelesenan Pemborong dan Peruncit 1996 (Akta 522)

Azman berkata, pihaknya akan terus memantau isu berkenaan di seluruh negara bagi memastikan tiada kegiatan yang menyalahi undang-undang.

"Kita akan fokus kepada beras seludup juga kerana ia menjejaskan pendapatan negara serta petani tempatan.

"Berdasarkan maklumat, penguatkuasa kita akan memeriksa premis-premis yang didapati menjual beras tidak sah atau pun tanpa kebenaran," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/3/2022	KOSMO	ONLINE	

Industri ikan air tawar dipromosi ke peringkat antarabangsa



PUTRAJAYA – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bersedia untuk mempromosikan industri ikan air tawar tempatan ke pasaran antarabangsa.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, Malaysia mempunyai potensi besar untuk meneroka pasaran itu memandangkan negara mempunyai tasik yang banyak dan badan kawal selia air.

Beliau berkata, selama ini, negara banyak memberi tumpuan kepada sumber ikan dari laut dan sudah tiba masanya untuk mempromosikan industri ikan air tawar ke pasaran lebih besar.

“Menerusi Dasar Agromakanan Negara 2021-2030, kami turut mempromosikan industri akuakultur yang mana ia meliputi sektor ikan air tawar.

“Subsektor ikan air tawar adalah sektor penting yang perlu diteroka bagi mengimbangi Dasar Agromakanan Negara,” katanya ketika ditemui pada Majlis Pelepasan Benih Ikan dan Kempen Jom Makan Ikan Air Tawar di sini hari ini.

Terdahulu, Ronald turut berkesempatan melepaskan sebahagian 100,000 ekor benih ikan air tawar ke dalam Tasik Putrajaya termasuk ikan kelah, temoleh, lampam sungai, baung, siakap dan udang galah. – KOSMO! ONLINE.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/3/2022	HARIAN METRO	LOKAL	17

Potensi ternakan ikan air tawar ke luar negara

Putrajaya: Sektor penternakan ikan air tawar di negara ini berpotensi besar dipromosikan ke peringkat antarabangsa.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, negara ini mempunyai tasik atau *water bodies* yang boleh ditekrokan oleh pihak industri.

“Sebelum ini kita banyak mengeluarkan ikan daripada laut, namun dalam masa sama kita

turut promosikan sektor akuakultur. Sektor akuakultur ini membabitkan ternakan, sangkar, kolam dan air tawar.

“Perkara itu juga ditekankan dalam Dasar Agromakanan 2.0, ini bagi mengimbangi bidang perikanan dalam sangkar,” katanya pada sidang media selepas Majlis Pelepasan Benih Ikan serentak di seluruh negara serta Kempen Jom Makan Ikan Air Tawar di sini, semalam.



RONALD (tengah) melepaskan benih ikan air tawar pada Program Jelajah Perikanan di Anjung Tasik Putrajaya, Putrajaya semalam. - FAISOL MUSTAFA

Malaysia berpotensi besar terokai pasaran global

Promosi ikan air tawar di luar negara

Oleh **MOHD. HUSNI MOHD. NOOR**

PUTRAJAYA - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bersedia untuk mempromosikan industri ikan air tawar tempatan ke pasaran antarabangsa.

Menterinya, Datuk Seri Ronald Kiang berkata, Malaysia mempunyai potensi besar untuk meneroka pasaran itu memandangkan negara mempunyai tasik yang banyak dan badan kawal selia air.

Menurutnya, selama ini, negara banyak memberi tumpuan kepada sumber ikan dari laut dan sudah tiba masanya untuk mempromosikan industri ikan air tawar ke pasaran lebih besar.

"Menerusi Dasar Agromakanan Negara 2021-2030, kami

turut mempromosikan industri akuakultur yang mana ia meliputi sektor ikan air tawar.

"Subsektor ikan air tawar adalah sektor penting yang perlu diteroka bagi mengimbangi Dasar Agromakanan Negara," katanya ketika ditemui pada Majlis Pelepasan Benih Ikan dan Kempen Jom Makan Ikan Air Tawar di sini semalam.

Terdahulu, Ronald melepaskan sebahagian 100,000 ekor benih ikan air tawar ke dalam Tasik Putrajaya termasuk ikan kelah, temoleh, lampam sungai, baung, siakap dan udang galah.

Program sama turut berlangsung serentak di seluruh negara membabitkan pelepasan keseluruhan 1.85 juta ekor benih ikan air tawar bernilai RM900,000.

MAFI turut melantik Raja

Pop, Datuk Jamal Abdillah sebagai Ikon Konservasi Sumber Perikanan bagi mempromosikan program perikanan membabitkan konservasi perikanan dan produk perikanan.

Ronald berkata, pelepasan ikan itu bertujuan menambah stok perikanan negara selain memastikan stok ikan darat sentiasa mencukupi serta membantu memulihara ekosistem perikanan darat.

Beliau turut mengajak orang ramai untuk menjadikan ikan air tawar sebagai hidangan utama rakyat Malaysia di samping ikan laut.

"Saya juga menggalakkan setiap Jabatan Perikanan Negeri untuk menganjurkan Kempen Makan Ikan Air Tawar seperti ikan keli, tilapia dan patin," katanya.

Pemilik lepaskan pemangsa ke sungai, tasikancam populasi hidupan air

Spesies ikan tempatan bakal pupus

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA - Spesies ikan sungai tempatan bakal pupus sekiranya pelepasan hidupan air pemangsa seperti keli afrika, baung ekor merah dan peacock bass dilakukan secara berleluasa hingga mengancam populasi yang ada ketika ini.

Pengarah Kanan, Bahagian Taman Laut dan Pengurusan Sumber Jabatan Perikanan, Bohari Leng berkata, antara spesies ikan sungai yang bakal pupus termasuk temoleh, kelah, sebarau dan ratusan spesies lain jika tidak dikawal.

Katanya, spesies ikan pemangsa seperti arapa, keli afrika, baung ekor merah dan peacock bass adalah antara yang kerap ditemui oleh pemancing di perairan umum negara.

"Ia berbahaya dan bersifat pemangsa selain turut memakan ikan tempatan. Ia lebih bertahan, cepat membesar dan agresif serta mampu mendominasi sungai atau tasik.

"Buat masa ini, kita tiada data tepat mengenai populasi



CONTOH ikan pemangsa jenis peacock bass.

ikan asing sebaliknya kami banyak menerima aduan daripada pemancing tempatan," katanya ketika ditemui pada Majlis Pelepasan Benih Ikan di Tasik Putrajaya di sini semalam.

Menurut Bohari, kebanyakan ikan itu dilepaskan ke perairan umum kerana tidak mampu dibela pemiliknya disebabkan saiznya semakin membesar selain turut terlepas akibat bencana banjir.

Tambahnya, ada juga budaya orang kita yang suka lepaskan ikan ke dalam sungai kerana bernazar dan berhajatkan sesuatu.

"Kami akui sukar untuk mengawal mana-mana individu yang melepaskan ikan asing itu memandangkan keadaan serta



SPESIES ikan darat seperti kelah tidak akan kelihatan lagi pada masa hadapan sekiranya perbuatan melepaskan hidupan air pemangsa dilakukan secara tidak terkawal. - GAMBAR HIASAN

persekitaran sungai dan tasik yang berada dalam keadaan terbuka," katanya.

Justeru, katanya, pihaknya menasihatkan orang awam su-

paya merujuk terlebih dahulu kepada Jabatan Perikanan sebelum melepaskan mana-mana ikan asing ke sungai atau tasik.

"Kami juga sudah merangka

pelbagai program khususnya bagi meningkatkan kesedaran memulihara sumber ikan asli dan menyedarkan orang awam tentang ancaman ikan asing," katanya.

Denda naik hingga RM10,000

KUALA KANGSAR - Pihak yang didapati bersalah melepaskan spesies ikan asing ke perairan umum boleh dikenakan denda sehingga RM10,000 apabila Kaedah-Kaedah Perikanan (Sungai) 1992 dipinda Oktober ini.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri (JPN) Perak, Noraishah Hashim berkata, pindaan itu dibuat sebagai langkah untuk mencegah perbuatan tidak bertanggungjawab itu.

"Kita juga sedang mendapatkan pewartaan Kaedah-Kaedah Perikanan (akuakultur perikanan darat) daripada kerajaan negeri sebagai langkah pemantauan dan penguatkuasaan.

"Draf tersebut kini pada peringkat akhir sebelum dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri.

"Jika lulus, ia akan membolehkan kita mengawal aktiviti perternakan akuakultur selain memastikan pemain industri wajib berdaftar dengan Jabatan Perikanan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Program Pelepasan Ikan ke Perairan Umum Serentak Seluruh Negara Peringkat negeri Perak di Batu Limbong, Bendang Kering di sini semalam.

Pelepasan tersebut disempurnakan Pengerusi Jawatan-



RAZMAN (tengah) dan Noraishah Hashim (kanan) melepaskan benih ikan dan udang galah dalam Sungai Perak di Batu Limbong Bendang Kering Kuala Kangsar semalam.

kuasa Peridangan, Pertanian dan Industri Makanan, Razman Zakaria.

Menurut Noraishah, pewartaan itu memperuntukkan denda RM5,000 untuk individu dan RM10,000 bagi pertubuhan jika sabit kesalahan.

Tambahnya, JPN Perak menerima banyak aduan mengenai

kehadiran spesies ikan asing berbahaya yang biasanya dijumpai seperti ikan bandar raya, tilapia, patin slam, peacock bass dan udang kara air tawar.

"Turut dikesan ikan baung ekor merah asia dan patin high fin yang mana kedua-duanya boleh menjangkau saiz gergasi dan bersifat pemangsa," katanya.

Lebih banyak benih hidupan air dilepaskan

REMBAU - Jabatan Perikanan Negeri Sembilan menasaskan untuk melepaskan kira-kira 300,000 benih ikan air tawar dan udang galah dengan anggaran peruntukan hampir RM50,000 ke perairan umum di negeri ini.

Pengarahnya, Kasim Tawe berkata, lokasi pelepasan dikenal pasti di Sungai Kenaboi di Jelebu, Sungai Muar di Tampin dan Sungai Rembau.

Katanya, program berkenaan bertujuan memberi kesedaran kepada orang awam terhadap kepentingan memulihara ekosistem perikanan darat bagi mengelak kepupusan.

"Tahun lalu hampir 300,000 benih ikan serta udang galah telah kita lepaskan. Tahun ini pula, kita sudah melepaskan kira-kira 65,000 benih ikan iaitu 20,000 di Sungai Kenaboi, Jelebu, manakala 45,000 lagi benih ikan lampam sungai di Sungai Rembau hari ini (semalam).

"Program ini akan terus dilaksanakan melalui hasil Kajian Inventori Sungai bertujuan untuk memastikan stok ikan darat sentiasa ada di negeri ini," katanya sempena Majlis Pelepasan Benih Ikan Serentak Seluruh Negara di Pangkalan Nelayan Sungai Timun di sini semalam.



KASIM melepaskan benih ikan sempena Majlis Pelepasan Benih Ikan Serentak Seluruh Negara di Pangkalan Nelayan Sungai Timun, Rembau semalam.

Lagi penyu ditemui mati di pantai Negeri Sembilan

REMBAU – Bangkai seekor penyu agar seberat dua kilogram ditemui di Pantai Telok Kemang, Port Dickson kelmarin.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe berkata, penemuan itu adalah yang keempat di pantai negeri ini dengan tiga daripadanya mati berbanding empat ekor penyu ditemui mati tahun lalu.

Bangkai penyu betina itu diserahkan kepada Pusat Ikan Hiasan Port Dickson untuk siasatan. Tiada kesan kecederaan disebabkan peralatan atau dibunuh ditemui pada badan penyu tersebut.

“Kita menyalurkan maklumat kepada Pusat Penyu Terin, Terengganu bagi mengenal pasti punca kematian penyu tersebut,” katanya ketika ditemui selepas majlis Pelepasan Benih Ikan Serentak Seluruh Negara

dan Demonstrasi Produk Perikanan di Pangkalan Nelayan Sungai Timun di sini semalam.

Sementara itu, Kasim memberitahu, pihaknya melalui Pusat Ikan Hiasan Port Dickson menganjurkan pelbagai program bagi meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap penyu sebagai binatang yang dilindungi.

Sekiranya orang ramai terutamanya nelayan menemui penyu binatang itu perlu diserahkan kepada Jabatan Perikanan.

“Jika tertangkap mereka diwajibkan melepaskan penyu tersebut dan sekiranya cedera, maka serah kepada pihak kami untuk dirawat,” katanya.

Nelayan juga dinasihatkan untuk tidak menggunakan pukal yang mempunyai tiga lapis bagi mengelakkan risiko penyu di lautan tercedera.



KASIM menunjukkan bangkai penyu agar yang ditemui nelayan di Pantai Telok Kemang, Port Dickson kelmarin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/3/2022	MSN	ONLINE	

Perlu penambahbaikan antara punca projek AIS tergendala



PUTRAJAYA: Projek Sistem Pertanian Pintar (AIS) Fasa 1 di bawah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) tergendala berikutan berdepan terlalu banyak isu bagi melengkapkan sistem berkenaan.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Haslina Abdul Hamid, berkata banyak kementerian terbabit dalam pelaksanaan projek berkenaan.

"Memang ada banyak isu terutama untuk melengkapkan sistem itu dan kita dapati ada beberapa perkara perlu ditambah baik terutama membabitkan sistem.

"Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada ketika itu turut melambatkan proses dijalankan," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Haslina turut meminta diberi masa sebelum mendedahkan perincian membabitkan situasi berkenaan.

"Selalunya memang kita jawab semua laporan dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara, jadi perincian mengenai masalah yang dihadapi akan dimaklumkan kemudian," katanya.

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2020 Siri 1 mendedahkan, projek AIS bernilai RM8.87 juta sudah siap namun dikesan tidak digunakan sejak November 2020.

Berdasarkan laporan berkenaan, projek itu sudah siap sepenuhnya dengan serahan dibuat pada 1 Februari tahun sama.

Projek AIS Fasa 1 dibangunkan sebagai pemudah bagi menghubungkan semua pihak berkepentingan dalam rantai bekalan melalui rangkaian ICT di bawah MAFI.

Projek AIS Fasa 1 tergendala kerana berdepan banyak isu

Banyak kementerian terbabit dalam pelaksanaan sistem berkenaan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Projek Sistem Pertanian Pintar (AIS) Fasa 1 di bawah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) tergendala berikutan berdepan terlalu banyak isu bagi melengkap-

kan sistem berkenaan.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Haslina Abdul Hamid, berkata banyak kementerian terbabit dalam pelaksanaan projek berkenaan.

“Memang ada banyak isu terutama untuk melengkapkan sistem itu dan kita dapati ada beberapa perkara perlu ditambah baik terutama membabitkan sis-

tem. “Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada ketika itu turut melambatkan proses dijalankan,” katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Haslina turut meminta diberi masa sebelum mendedahkan perincian membabitkan situasi berkenaan.

Memang ada banyak isu terutama untuk melengkapkan sistem itu dan kita dapati ada beberapa perkara perlu ditambah baik terutama membabitkan sistem



Haslina Abdul Hamid,
Ketua Setiausaha
Kementerian
Pertanian dan
Industri Makanan

“Selalunya memang kita jawab semua laporan dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara, jadi perincian mengenai masalah yang dihadapi akan dimaklumkan kemudiam,” katanya.

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2020 Siri 1 menedahkan, projek AIS bernilai RM8.87 juta sudah siap namun dikesan tidak digunakan sejak November 2020.

Berdasarkan laporan berkenaan, projek itu sudah siap sepenuhnya dengan serahan dibuat pada 1 Februari tahun sama.

Projek AIS Fasa 1 dibangunkan sebagai pemudah bagi meningkatkan semua pihak berkeperluan dalam rantaian bekalan melalui rangkaian ICT di bawah MAFI.

Terengganu perlukan 42,880 tan ayam setahun

Kuala Terengganu: Sejumlah 17 juta ekor ayam dihasilkan melalui 128 ladang di negeri ini setahun, namun belum mencukupi untuk menampung keperluan rakyat di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim, berkata hanya 30,722 tan ayam dihasilkan setahun dan jumlah itu hanya 64.18 peratus berbanding keperluan negeri sebanyak 42,880 tan.

"Keperluan telur ayam negeri pula kira-kira 4.2 juta setahun dan ia dibekalkan ladang penelur dari luar Terengganu," katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN), semalam.

Dr Azman berkata, antara tindakan bagi menyelesaikan masalah bekalan ayam dan telur ialah membangunkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan di kampung Telaga Papan, Setiu dan di Kampung Mengadang Baling, Kuala Nerus sebagai zon penternakan unggas lengkap pelbagai infrastruktur asas.

LKE Hydroponic Farm tarikan ekopelancongan baharu

PETALING JAYA: LKE Group Sdn. Bhd. melancarkan LKE Hydroponic Farm sebagai kebun pelancongan eko pertama di Bentong, Pahang yang memanfaatkan sistem hidropomik secara efektif untuk penghasilan tanaman segar demi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Pengasas Bersama dan Pengerah Urusan LKE Group Sdn. Bhd., Jeremy Chin berkata, walaupun berdepan kesukaran akibat pandemik, kini pihaknya bersedia menjemput para pengunjung dari seluruh dunia apabila Malaysia membuka pintu sempadan nanti.

“Kerja-kerja yang kami jalankan di sini adalah penting untuk pertumbuhan industri pertanian di Malaysia, juga untuk eko-



LKE Hydroponic Farm berpotensi menjadi tarikan ekopelancongan yang sesuai bagi para pelancong menikmati pengalaman pertanian masa depan.

sistem bumi.

“Jadi, kami berharap dapat memberi inspirasi kepada

pemain-pemain industri untuk menggunakan amalan-amalan inovatif yang mampu mening-

katkan kecekapan dan produktiviti untuk hasil yang lebih baik, berdasarkan pendekatan saintifik.

“Dengan itu, ekonomi Malaysia akan berkembang secara signifikan dan kita lebih dekat untuk memenuhi Matlamat Pembangunan Mampan menjelang 2030,” katanya dalam kenyataan.

Ditubuhkan sebagai sebuah fasiliti persendirian sejak tiga tahun lalu, LKE Hydroponic Farm seluas 1.5 ekar merupakan sebahagian daripada 200 ekar yang dimiliki oleh LKE Group Sdn. Bhd. termasuk LKE Mustang Queen, LKE Hydroponic Farm, LKE Bio Ginger Farm, LKE Swiftlet Farming, LKE Palm Oil Plantation dan LKE Natural Rubber.



From left: Rosnah, Russian Tourism Ambassador Datuk Nargiz Safarova, Association of Travel Agencies president Datuk Mohd Khalid Harun, LKE co-founder and director Datuk Jackky K.E. Lim and LKE co-founder and managing director Jeremy Chin during the launch of the farm. - **AMIRUL SYAFIQ/THE SUN**

■ BY **SIVAA TANGAI RAJU**
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: LKE Group Sdn Bhd recently launched the first eco-tourism farm, LKE Hydroponic Farm in Bentong, Pahang, to contribute to national economic growth and create a benchmark for industry players nationwide to embrace green innovation practices.

The company said its modern farming technique uses a soil-less approach to produce fruits and vegetables in a more environmentally friendly manner. It uses water as a base for the crops to grow, with lower consumption of the resource compared with traditional agriculture.

It also said the method allows plantation growth rates to be doubled compared with traditional methods, and enables farmers to produce crops in larger quantities throughout the year while maintaining ecological integrity of the earth.

Managing director and co-founder Jeremy Chin said agricultural expansion is essential in strengthening the national economy and

achieving development goals.

He said modern agriculture methods help to save costs through manpower and workload reduction.

"Although we have had a rough start due to the pandemic, we are now ready to invite visitors from across the globe as Malaysia reopens its borders.

"The work we do here is important for the growth of the agriculture industry in Malaysia as well as for the earth ecosystem.

"We hope to inspire local industry players to adopt innovative practices that can improve efficiency and productivity for better yields. In doing so, the national economy would expand significantly and we are closer to fulfilling the Sustainable Development Goals by 2030."

Malaysian Tourism Promotion Board senior deputy director Rosnah Mustafah, who attended the launch on Wednesday, commended the firm's commitment to restore financial stability in the country, that had been

adversely affected due to the pandemic.

She said the farm could receive worldwide recognition with the reopening of borders next month.

"Bravo to LKE Hydroponic Farm. It's really great to see Malaysians taking the initiative to preserve our planet and ensure sustainable living for generations to come.

"The farm has definitely set the benchmark for the agriculture industry in Malaysia. It is filled with numerous edu-training activities that are suitable for children and adults.

"I am certain it would become a famous attraction across Southeast Asia and the world as Malaysia reopens its international borders to welcome travelers," she said.

The farm, which consists of LKE Musang Queen, LKE Hydroponic Farm, LKE Bio Ginger Farm, LKE Swiftlet Farming, LKE Palm Oil Plantation and LKE Natural Rubber, was established as an independent facility three years ago.

First eco-tourism farm launched